

**Untuk Siaran Segera
30 Ogos 2022**

**PNB TAWAR BIASISWA LUAR NEGARA KEPADA
25 PELAJAR CEMERLANG**

Biasiswa menyumbang kepada pembangunan modal insan dan bakat PNB

KUALA LUMPUR, 30 Ogos 2022 – Permodalan Nasional Berhad (PNB) baru-baru ini menyampaikan Anugerah Biasiswa Luar Negara PNB kepada 25 penerima anugerah yang berjaya. Anugerah Biasiswa Luar Negara PNB memberi peluang kepada pelajar cemerlang Sijil Pelajaran Malaysia 2021 (SPM 2021) untuk melanjutkan pengajian ke universiti terkemuka di United Kingdom, Amerika Syarikat dan Australia.

Berucap di majlis penyampaian surat tawaran tersebut, Presiden & Ketua Eksekutif Kumpulan PNB, Ahmad Zulqarnain Onn menyampaikan ucapan tahniah kepada para penerima kerana mempunyai keazaman dan kesungguhan yang tinggi untuk melanjutkan pelajaran. Tambah beliau lagi, “Penerima Biasiswa Luar Negara PNB yang berjaya tahun ini mewakili kelompok pelajar yang paling berjaya di Malaysia. Kami teruja dengan potensi penerima biasiswa kami ketika mereka memulakan fasa seterusnya yang paling penting, dalam perjalanan akademik mereka.

“Penerima Biasiswa Luar Negara PNB akan menjadi pemimpin masa depan PNB. Program biasiswa kami memainkan peranan yang penting ke arah menyumbang kepada pembangunan modal insan dan bakat dalam PNB.”

Sehingga kini, PNB telah menganugerahkan biasiswa kepada lebih 450 anak muda Malaysia yang layak sejak pelancaran Anugerah Biasiswa Luar Negara PNB pada 1996.

Kesemua 25 penerima Anugerah Biasiswa Luar Negara PNB, akan menjalani program A-Level selama dua tahun di Kolej Yayasan UEM (KYUEM). Setelah berjaya menamatkan A-Level, mereka boleh memilih untuk melanjutkan ijazah sarjana muda dalam pelbagai bidang seperti perakaunan, kewangan, undang-undang, matematik, sains aktuari, sains komputer dan kejuruteraan.

Salah seorang penerima Anugerah Biasiswa Luar Negara PNB, Sarah Irdina Noor Azman yang berasal dari Miri, Sarawak, mendedikasikan kejayaannya atas berkat doa dan motivasi berterusan daripada ibu bapa yang sentiasa inginkan yang terbaik untuknya. Pengalaman belajar di sekolah vernakular di mana kebanyakan pelajar berusaha untuk mencapai keputusan peperiksaan yang baik adalah satu lagi faktor yang mendorongnya untuk bekerja lebih gigih dan cemerlang dalam pelajaran.

“Saya memohon Biasiswa Luar Negara PNB kerana saya percaya ia menawarkan peluang terbaik untuk saya melanjutkan pelajaran dalam bidang ekonomi. Saya berharap akan dapat menyumbang semula kepada PNB sebaik tamat pengajian,” menurut Sarah Irdina.

Bagi Jad Alfa Wafiy Jamree dari Cheras, Anugerah Biasiswa Luar Negara PNB merupakan pilihan pertamanya kerana dia melihat tawaran tersebut sebagai platform terbaik untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat tinggi. “Tawaran Anugerah Biasiswa Luar Negara PNB merupakan peluang kepada saya untuk membalas budi mereka yang telah banyak membantu dan menaruh harapan kepada kemampuan saya. Saya gembira kerana dapat membanggakan kedua ibu bapa saya.”

Megat Ahmad Shafeeq Megat Ahmad Shariman, dari Ipoh, percaya terpilih sebagai antara 25 penerima biasiswa PNB tahun ini merupakan peluang beliau untuk mendapatkan pendidikan tinggi yang berkualiti dan mencapai matlamat pendidikannya.

“Reputasi PNB sebagai sebuah institusi pelaburan yang terkenal adalah pendorong utama saya untuk melanjutkan pengajian dalam bidang Ekonomi dan Kewangan. Saya berhasrat untuk berkhidmat kepada PNB sekembalinya saya kelak dan membantu syarikat mencapai mandatnya untuk memperkayakan kehidupan Bumiputera dan rakyat Malaysia secara keseluruhannya.”

Untuk maklumat lanjut mengenai program biasiswa PNB, layari https://www.pnb.com.my/05_2Education.php dan juga [Instagram](#), [Facebook](#) serta [LinkedIn](#) rasmi PNB.

-TAMAT-

Mengenai Permodalan Nasional Berhad (PNB)

Permodalan Nasional Berhad (PNB) adalah syarikat pengurusan dana terbesar di Malaysia dengan aset di bawah pengurusan (AUM) kini melebihi RM300 bilion. Portfolio PNB merangkumi pelaburan strategik dalam syarikat-syarikat korporat terkemuka Malaysia, ekuiti global, pelaburan persendirian dan hartanah. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.pnb.com.my.

Dikeluarkan oleh Permodalan Nasional Berhad

